

08 AUG 1998

MALAYSIA UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menghantar ucapan tahniah kepada Presiden Singapura, Ong Teng Cheong sempena Hari Kebangsaan republik itu esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengutuskan ucapan yang serupa kepada rakan sejawatannya, Goh Chok Tong.

Dalam perutusan kepada Menteri Luar Singapura S.Jayakumar, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan keyakinan kedua-dua negara "akan terus bekerjasama dalam semua bidang untuk faedah rakyat kedua-dua negara".

-- BERNAMA

TCL oba